

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 7()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 3 TAHUN 2020**

Tarikh : **23 Disember 2020 (Rabu)**

Masa : **10.00 pagi – 11.40 pagi**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN SOROTAN PROGRAM / AKTIVITI 2020

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang tahun 2020.

3.0 PERUTUSAN Pengerusi

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang terakhir bagi tahun 2020. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- ii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iii) Datuk Bandar mengimbas kembali sorotan perkara yang telah berlaku sepanjang tahun 2020 di MBSJ. Sedar tak sedar penghujung tahun 2020 telah tiba dan sepanjang 12 bulan berlalu terlalu banyak kenangan dan kejayaan yang telah dikecapi oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Dalam aspek kecemerlangan, Majlis telah berjaya memperolehi sebanyak 3 anugerah di peringkat Negeri Selangor, 8 anugerah peringkat Kebangsaan dan 1 anugerah peringkat Antarabangsa. Antara anugerah yang berprestij yang telah diterima di peringkat Negeri adalah tempat ketiga bagi Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020 manakala di peringkat kebangsaan adalah pengekalan taraf 5 bintang bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2018 dan di peringkat antarabangsa adalah '2020 UN-Habitat Scroll of Honour Award'. Semua kejayaan yang diperolehi merupakan hasil usaha dan komitmen semua pihak. Semoga dengan kejayaan ini akan menerbitkan lagi semangat untuk terus mencapai kejayaan yang berterusan dan lebih baik di masa hadapan.

Dari segi bajet, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan bajet MBSJ pada 4 Disember 2019 dengan peruntukan hasil dan perbelanjaan sebanyak RM305,204,600. Walaubagaimanapun, dengan keadaan ekonomi dan kutipan hasil yang dijangka tidak dapat dicapai pada tahun ini, maka pada Julai 2020 MBSJ telah membuat penstrukturan semula Bajet 2020 untuk mengoptimumkan hasil dan perbelanjaan. Penstrukturan semula ini melibatkan pengurangan sebanyak RM18,857,930 daripada peruntukan Hasil dan Perbelanjaan. Prestasi perbelanjaan Mengurus sehingga 15hb Disember 2020 adalah sebanyak RM150,979,658 daripada peruntukan RM181,039,780

iaitu mencapai 83.40% manakala bagi perbelanjaan Pembangunan adalah sebanyak RM85,975,148 daripada peruntukan RM94,363,650 iaitu 90.65%. Ini menunjukkan prestasi perbelanjaan MBSJ telah mencapai 86.10% secara keseluruhannya dengan perbelanjaan berjumlah RM236,954,806 daripada jumlah peruntukan sebanyak RM275,403,430.

Dari segi aspek pendapatan, prestasi kutipan sehingga 15 Disember 2020, telah mencapai 104% iaitu berjumlah RM 265,715,519 berbanding dengan pelarasan anggaran sebanyak RM 256,546,500. Walaubagaimanapun, perbandingan kutipan hasil di antara tahun 2019 dan 2020 mendapati MBSJ mengalami penurunan kutipan hasil iaitu sebanyak RM 26.75 juta.

Pengalaman yang paling berharga buat seluruh warga kerja MBSJ adalah penaiktarafab Majlis kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya pada tanggal 20 Oktober 2020. Kejayaan ini merupakan hasil usaha gigih seluruh warga kerja MBSJ.

Bagi mewujudkan Bandaraya yang diidamkan oleh semua pihak terutamanya penduduk di pentadiran Subang Jaya, Majlis telah menfokuskan 6 ciri bandaraya iaitu :

a) Bandar Sejahtera.

Sejahtera yang dimaksudkan adalah meliputi keseluruhan iaitu dari aspek persekitaran, masyarakat dan ekonomi. MBSJ berhasrat menjadi sebuah bandar yang lestari, mampan serta boleh diwarisi untuk generasi akan datang.

b) Bandar Sihat

Kesihatan adalah meliputi kesihatan fizikal dan mental. Sehubungan dengan itu MBSJ akan sentiasa menyetengahkan program-program yang menitikberatkan kesihatan mental dan fizikal.

c) Bandar Pintar

MBSJ berhasrat untuk menjadi sebuah bandar pintar lebih-lebih lagi pada zaman dunia yang mengamalkan norma baharu dan hubungan secara fizikal agak terbatas ekoran dari pandemic covid 19 yang melanda. Oleh itu, hubungan secara maya, secara atas talian amat penting untuk menghubungkan semua penduduk di MBSJ. Talian internet yang kuat amat penting agar semua penduduk di kawasan pentadbiran MBSJ dapat berhubung dan segala maklumat di seluruh dunia dapat dicapai. Bagi merealisasikan impian ini MBSJ telah mengorak langkah dengan menjadi peneraju bandar 5G yang pertama di Malaysia.

d) Bandar Mesra Wanita

Dengan adanya Datuk Bandar wanita yang pertama di MBSJ, adalah menjadi hasrat MBSJ untuk menjadikan bandar ini sebagai bandar mesra wanita dengan menyediakan kemudahan yang mengambil kira keperluan wanita.

e) Bandar Selamat

Lumrah fenomena bandaraya di seluruh dunia apabila sebuah bandaraya menjadi semakin besar, indeks jenayah juga semakin meningkat. Oleh itu, MBSJ menginspirasi supaya semua penduduk berasa selamat berada di kawasan pentadbiran ini. Segala usaha telah dijalankan di peringkat MBSJ untuk meningkatkan lagi ciri-ciri keselamatan di dalam bandaraya.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah kurnia-Nya jua segala cabaran sepanjang tahun 2020 berjaya diharungi. Dalam cabaran mendepani pandemik covid 19, MBSJ masih mampu melaksanakan segala tugas dan meneruskan perkhidmatan kepada rakyat. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diberikan kepada semua Ahli Majlis dan warga kerja MBSJ di atas sumbangan, komitmen dan kerja keras berpasukan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepanjang tahun 2020.

- iv) Datuk Bandar turut memaklumkan data berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiraan MBSJ. Sehingga 19 Disember 2020 terdapat sebanyak 6,297 kes positif demam denggi telah dilaporkan. Pada Minggu Epid 51 iaitu dari 13 hingga 19 Disember 2020 lokaliti hotspot denggi adalah di Bandar Puteri 7, Bandar Puteri 9 (termasuk di Aseana Puteri Kondominium) dan

Lestari Perdana 7. Majlis menyeru masyarakat agar memastikan kawasan premis dan persekitaran masing-masing bebas dari tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes.

- v) Maklumat mengenai kes covid-19 turut dikongsi dan sehingga 20 Disember 2020 terdapat 93,309 kes positif Covid 19 dilaporkan di seluruh Malaysia dengan 437 kematian. Di Negeri Selangor, terdapat 24,465 kes positif Covid 19 telah dilaporkan dengan sebanyak 3,680 kes di daerah Petaling manakala sebanyak 1,053 kes adalah di kawasan pentadbiran MBSJ. Masyarakat dinasihatkan agar mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak, Sempit, Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu (Wash, Wear, Warn).

- vi) Di kesempatan ini juga, Datuk Bandar mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas dan Tahun Baru 2020 kepada semua warga kerja dan penduduk di pentadbiran MBSJ yang merayakannya. Dalam keseronokan meraikan perayaan namun jangan sesekali alpa. Amalan penjagaan kebersihan dan keselamatan diri sendiri perlu dilaksanakan dengan mengamalkan norma baharu serta mengikut SOP yang telah ditetapkan.

- vii) Datuk Bandar turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Majlis MBSJ di atas komitmen dan usahasama sepanjang tempoh perkhidmatan daripada Julai 2018 sehingga 31 Disember 2020. Semoga usahasama dan jalinan yang dibina dapat diteruskan di masa-masa akan datang. Segala sumbangan, idea dan tenaga yang diberikan sepanjang perkhidmatan amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.
- viii) Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 2/2020

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2020 bertarikh 25 November 2020 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 2/2020

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2020 bertarikh 25 November 2020 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil.2/2020 bertarikh 8 Disember 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Senarai kehadiran & m/s 2	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	Senarai kehadiran mesyuarat	Beliau memaklumkan bahawa beliau hadir mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan secara online tetapi dalam minit mesyuarat dicatat tidak hadir. Mohon dilaksanakan pembetulan. Keputusan Mesyuarat : Datuk Bandar meminta urus setia mesyuarat mengesahkan kehadiran

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				dan membuat pindaan minit sekiranya Encik Mehanatan a/ Embamurthi disahkan hadir secara dalam talian. Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

**6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya Bil.20/2020 bertarikh 26 November 2020**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya Bil.21/2020 bertarikh 9 Disember 2020**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.2/2020 bertarikh 10 Disember 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.2/2020 bertarikh 14 Disember 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Datuk Bandar	Lesen Hiburan	Beliau menyampaikan rintihan pemilik industri hiburan kerana mengalami kesukaran apabila tidak dapat menjalankan perniagaan sepanjang tempoh PKP. Datuk Bandar telah

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>membangkitkan isu ini ke peringkat Kerajaan Negeri dengan mencadangkan supaya pemilik industri hiburan dibolehkan menggunakan caruman yang dibayar untuk sebahagian pembayaran lesen dan keperluan untuk mengubah enakmen hiburan tentang penggunaan wang cagaran sebagai sebahagian daripada fi lesen untuk tahun berikutnya.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat sebulat suara memutuskan supaya dasar ini dibawa kepada</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Kerajaan Negeri untuk pertimbangan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>
2.	Senarai kehadiran & m/s 21	Encik M. Anbarasan a/l Murugesu	Senarai kehadiran mesyuarat	<p>Beliau memaklumkan bahawa beliau hadir mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan secara dalam talian tetapi dalam minit mesyuarat dicatat sebagai tidak hadir. Mohon dilaksanakan pembetulan.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta urus setia mesyuarat mengesahkan kehadiran dan membuat pindaan minit sekiranya Encik M. Anbarasan a/l Murugesu</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				disahkan hadir secara dalam talian. Tindakan : Jabatan Pelesenan

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.22/2020 bertarikh 16 Disember 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.4 (n) / nota & m/s 17/19	Encik Yap Kok Weng	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk : Glomac Alliance Sdn. Bhd.(423582-H)	Beliau meminta supaya dimasukkan caruman untuk sekolah. Dimohon dasar caruman kubur dan caruman sekolah dibentangkan dalam Mesyuarat Penuh MBSJ akan datang untuk diteliti dan dibincangkan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta supaya dimasukkan nota berkaitan caruman sekolah. Jabatan juga diminta membuat kajian dan menyediakan dasar caruman kubur dan caruman sekolah untuk dibentangkan dalam mesyuarat akan datang untuk dibincangkan dengan lebih lanjut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

7.1 Kertas Makluman Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Kertas Mesyuarat Bil.4/3/2020)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Perbendaharaan dan dibentangkan oleh Pengarah Perbendaharaan MBSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan menerima makluman berkaitan Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

Tindakan : Makluman

7.2 Kertas Cadangan Untuk Menetapkan Kadar Kompaun Maksima Bagi Kesalahan Meletak Kenderaan Di Petak Letak Kereta Orang Kurang Upaya (OKU) Di Kawasan Pentabdiran Majlis Bandaraya Subang Jaya

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Undang-undang dan dibentangkan oleh Pengarah Undang-Undang MBSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju terhadap perkara berikut :

- i) Membatalkan keputusan terdahulu melalui Mesyuarat Pegawai kompaun Majlis Perbandaran Subang Jaya bil. 1/11 bertarikh 3 Mei 2011 yang menetapkan kadar kompaun maksima adalah sebanyak RM 80.00 hanya bagi kesalahan di bawah Perintah 51 Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Subang Jaya 2007;
- ii) Mengenakan kadar kompaun sebanyak RM 200.00 tanpa pengurangan kepada mereka yang menyalahgunakan tapak tempat letak kereta OKU;

- iii) Membenarkan pembatalan kompaun sekiranya terdapat kesilapan mengkompaun kepada golongan OKU sahaja.

Tindakan : Jabatan Undang-Undang

7.3 Kertas Pelaporan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) bagi ISO 37001:2016 Di Majlis Bandaraya Subang Jaya Bagi Tahun 2020

Kertas pelaporan ini disediakan oleh Unit Integriti dan dibentangkan oleh Pegawai Integriti MBSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan menerima makluman Pelaporan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) bagi ISO 37001:2016 Di Majlis Bandaraya Subang Jaya Bagi Tahun 2020.

Tindakan : Makluman

8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.40 pagi.

Tarikh Disediakan : 24 Disember 2020

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Datuk Bandar | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 5. | Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 7. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 8. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 9. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 10. | Encik Thamilarusu Sandayan | - | " |
| 11. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 12. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 13. | Puan Ng Seow Chen | - | " |
| 14. | Encik Thong Kim Fatt | - | " |

15.	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	-	"
16.	Encik Muhammad Khairil bin Khalid	-	"
17.	Encik M.Anbarasan A/L Murugesu	-	"
18.	Encik Keshminder Singh A/L K.Karam Singh	-	"
19.	Encik Mohd Fitri bin Jamaludin	-	"
20.	Encik Mohd Syafiq bin Mohamad Norizan	-	"
21.	Puan Aniza binti Jamaludin	-	"
22.	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi@Azmi	-	"
23.	Encik Frankie Kog Eng Kee	-	"
24.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. TPr. Hj. Ismail bin Muhamad, A.I.S.
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

5. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
7. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Sr. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Hajah Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Encik Muhammad Azli Bin. Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
14. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
15. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
16. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
17. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB

18. Encik Afzarizal Bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
19. Puan Azlina Binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
20. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Tai Cheng Heng - Ahli Majlis
2. Puan Kavitha A/P Chandragesen - ”

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan